

Pesta Tamu Gadang dapat sumbangan syarikat korporat

UB 18.11.2016 A8

LABUAN: Pesta Tamu Gadang Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) 2016 yang berlangsung pada 18-20 November ini mendapat sumbangan syarikat korporat, syarikat swasta dan agensi kerajaan.

Para penaja itu ialah Perbadanan Labuan, MAIWP, PPZ Labuan, UMS Link Holdings Sdn Bhd, CIMB Berhad, Kelisa Technology, dan Ragah Sdn Bhd.

Selain itu, Fizrix System Sdn Bhd, One Enterprise Sdn Bhd, Klinik Millenium, Royz Enterprise, Opori Dynamics, Akujaya Contractor, Formula Wawasan Enterprise, Moorthy Mini Market, Pc Farm Sdn Bhd, Seri Wilayah Engineering Sdn Bhd dan Syarikat Malye Enterprise.

Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan dan Pusat Pungutan Zakat (PPZ) merupakan penaja utama Forum Perdana yang akan

bermula malam ini.

Manakala Perbadanan Labuan merupakan penaja utama Festival Tari dan Muzik Rakyat Antarabangsa.

Pengarah UMSKAL Prof Madya Dr Murnizam Haji Halik berkata kerjasama dan komitmen pihak penaja itu merupakan kolaborasi pintar antara kedua-dua pihak dalam menjayakan Pesta Tamu Gadang UMS Labuan 2016.

“Saya mengucapkan terima kasih kepada semua penaja yang sudi bekerjasama dan menjayakan Pesta Tamu Gadang UMS Labuan 2016,”katanya.

Sementara itu, tinjauan di lokasi acara, para peniaga sudah mula menjalankan perniagaan mereka walaupun acara rasmi hanya akan bermula petang ini.

Peniaga yang ditemui berkata mereka tidak mahu melepaskan peluang dan ruang yang disediakan untuk menambah pendapatan keluarga.